



MENGAKU BERSALAH: Mohd Zairull (kiri) keluar dari kamar mahkamah sambil diiringi anggota polis selepas selesai dijatuhkan hukuman.

Bekas pembantu tadbir kena 12 tahun, denda RM180 juta dan tiga sebatan

KUCHING: Bekas pembantu tadbir kewangan sebuah agensi kerajaan dipenjara 12 tahun, didenda RM180 juta atau penjara 36 bulan dan dikenakan tiga sebatan di Mahkamah Sesyen semalam selepas mengaku bersalah terlibat pengubahan wang haram dan pecah amanah jenayah melibatkan jumlah lebih RM16 juta.

Hakim Musli Ab Hamid ketika menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohd Zairull Arzuan Mohd Shamsuddin Ja'afar@AngChui Thong, 39, memerintahkan tertuduh dipenjara 12 tahun dan denda RM5 juta atau sebulan penjara bagi setiap satu pertuduhan dihadapinya untuk kesalahan pengubahan wang haram.

Kesemua 36 pertuduhan itu dibuat mengikut Subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] dan boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1) Akta sama.

Bekas pembantu tadbir kena 12 tahun, denda RM180 juta dan tiga sebatan

Dari Muka 1

Sementara untuk tiga pertuduhan di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan iaitu dakwaan pecah amanah jenayah, Musli mengarahkan Mohd Zairull untuk dipenjarakan 12 tahun dan satu sebatan bagi setiap pertuduhan dihadapinya.

Musli bagaimanapun memerintahkan hukuman penjara bagi kesemua per-

tuduhan dijalankan secara serentak.

Untuk kesemua 36 pertuduhan pengubahan wang haram, Mohd Zairull didakwa melakukan kesalahan itu antara 2020 dan 2022, membabitkan jumlah RM6,013,504.31.

Sementara tiga lagi pertuduhan menyaksikan Mohd Zairull didakwa melakukan pecah amanah jenayah antara 2019 dan 2021 membabitkan

jumlah RM10,272,350.13.

Difahamkan, penyata gaji Mohd Zairull mendedahkan transaksi mencurigakan apabila sejumlah lebih RM4 juta telah dikreditkan ke dalam akaun gajinya.

Difahamkan juga, Mohd Zairull yang merupakan pegawai bertanggungjawab bagi simulasi gaji agensi berkenaan di Sarawak, mengemukakan surat peletakan jawatan berkuat

kuasa 31 Januari 2022, tetapi dia memendekkan tempoh notis, meletak jawatan berkuat kuasa 31 Disember 2021.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Wan Nur Amanina Wan Din, DPP Mohd Ashrof Kamarul dan DPP Manjira Vasudevan, manakala Mohd Zairull diwakili peguam Christopher Bada.